



Daftar sekarang
dan dapatkan

23.10
20.11
2021

RM500 / RM 1,000
baucar diskau

Pembelian karya seni di galeri terpilih seluruh negara

Untuk maklumat lanjut: -
03-4028 7000

BALAI SENI NEGARA NATIONAL ART GALLERY
Jalan 15/15, Taman Tun Dr. Ismail,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur,
Malaysia
Tel: +603 4028 7000
Fax: +603 4028 9107

“Buy Art Malaysia (BUY)” - Voucher

Pengenalan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Balai Seni Negara sentiasa mengutamakan sinergi dan kelangsungan ekosistem seni di Malaysia bagi memastikan industri seni visual negara terus maju ke hadapan. Sehubungan itu, Balai Seni Negara melancarkan Program Pemberian Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual Keluarga Malaysia selaras dengan “Program Aspirasi Keluarga Malaysia” peringkat MOTAC dengan **pemberian baucar diskau pembelian karya seni visual Malaysia yang bernilai RM 500.00 dan RM 1,000.00 kepada para peminat seni.**

Program pemberian baucar diskau ini dikenali juga sebagai ‘Buy Art Malaysia (BUY)’ bertujuan untuk merancakkan semula industri seni visual tanah air yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Industri seni kini dalam proses pemulihan apabila premis-premis seni telah dibenarkan beroperasi. Tujuan pemberian baucar ini adalah bagi mempercepatkan pemulihan sektor seni dan budaya di Malaysia yang terdiri dari pelbagai ekosistem seni.

Kempen **BUY** ini akan melibatkan **galeri-galeri swasta/awam terpilih** seluruh negara bermula daripada **23 Oktober** sehingga **20 November 2021** dengan konsep pemberian berdasarkan '**Siapa Cepat Dia Dapat**'.

Dapatkan Baucer Pembelian Karya Seni Bernilai RM 500.00 atau RM 1,000.00 Sekarang!

Bagaimana Saya Boleh Mendapatkan Baucar Pembelian Karya Seni?

1. Pembeli perlu memohon baucar di laman sesawang Balai Seni Negara dengan mengisi maklumat pengenalan diri yang sah.
2. Selesai permohonan, pemohon akan menerima baucer yang akan dijemelkan mengikut kuantiti baucar yang dimohon.
3. Dalam baucar tersebut juga akan disenaraikan nombor kod unik baucar serta tarikh luput bagi penggunaan baucar tersebut.
4. Pemohon perlu menyerahkan baucar tersebut kepada penjual dan terus menikmati diskaun semasa pembayaran dibuat.

Apakah Baucar Yang Layak Saya Dapatkan Dengan Harga Karya Yang Akan Saya Beli Nanti?

- Bagi pembelian karya seni yang berharga **RM 1,000 - RM 5,000** - Layak menggunakan **1 baucer** yang bernilai **RM 500**.
- Bagi pembelian karya seni yang berharga **RM 5,001 dan ke atas** - Layak menggunakan **2 baucer** yang bernilai **RM 1,000**.

Syarat Kelayakan Penggunaan Baucer:

- 1) Pembelian adalah untuk karya seni visual yang berharga melebihi RM 1,000.
- 2) Karya seni hendaklah hasil daripada artis tempatan.
- 3) Pembeli perlu memuat turun baucar digital di laman sesawang Balai Seni Negara.
- 4) Baucer perlu digunakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 5) Pembelian baucer **HANYA** melalui galeri dan pengusaha eksposi seni **SAHAJA**
- 6) Baucer tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai.

Untuk Maklumat Lanjut:

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi:

- | | | |
|----------------|---|--|
| Encik Zuriyadi | - | (03-4026 7000 ext: 211) (zuriyadi@artgallery.gov.my) |
| Encik Safwan | - | (03-4026 7000 ext: 178) (safwan@artgallery.gov.my) |
| Encik Amirul | - | (03-4026 7000 ext: 211) (amirulasyraf@artgallery.gov.my) |
| Encik Hakim | - | (03-4026 7000 ext: 285) (iskandar@artgallery.gov.my) |